

# Terpaksa tutup tingkap setiap masa

Penduduk terdedah masalah habuk akibat kenderaan berat guna laluan kampung ke tapak projek

**OLAK LEMPIT** - Penduduk sekitar Jalan Kemat, Olak Lempit memohon pihak bertanggungjawab memantau aktiviti keluar masuk kenderaan berat yang melalui kawasan mereka bagi tujuan keselamatan.

Aktiviti keluar masuk lori tanah dan pasir itu yang melalui kawasan penduduk ke tapak projek kira-kira lapan kilometer difahamkan sudah beroperasi sejak Ogos lalu, namun tiada sebarang notis keselamatan berkaitan kehadiran lori-lori yang melalui kawasan itu.

Penduduk, Mindar Wahid, 62, berkata, kebanyakan penduduk sering merungut terpaksa berdepan dengan masalah habuk selain terpaksa menutup tingkap rumah mereka sepanjang masa.

"Di rumah pakcik ada cucu umur enam bulan dan sering ba-

tuk, pakcik risau bila keluarga pakcik selalu berdepan dengan masalah kesihatan.

"Paling membimbangkan bila aktiviti keluar masuk penduduk di sini terdedah dengan risiko bahaya kerana tiada seorang pun yang mengawal lalu lintas di simpang jalan empat di sini," katanya.

Mindar turut memaklumkan, dia bersama beberapa penduduk pernah menghalang lori-lori tersebut untuk melalui kawasan itu.

Katanya, pemandu hanya menjalankan tugas dan semua masalah itu perlu diadukan kepada pihak pengurusan.

"Pakcik peliklah bila pihak pengurusan tak mengambil berat dengan masalah kami walaupun pernah berjumpa penduduk tapi tak ada sebarang pelaksanaan tanggungja-



Aktiviti keluar masuk kenderaan berat tanpa pemantauan pengawal keselamatan dan pantauan waktu yang dibenarkan.

wab mengikut perjanjian yang dipersejui bersama penduduk.

"Difahamkan projek yang dilaksanakan itu mengambil masa lebih 10 tahun dan kalau laluan kami ini digunakan, sampai bila kami terpaksa terdedah dengan masalah keselamatan dan kesihatan," katanya.

Bagi Mohd Sariman Kawangit, 70, berkata, dia memaklumkan kenderaan berat akan melalui ka-

wasan itu lebih 40 kali sehari.

"Bayangkan seawal jam 6.30 pagi pun mereka dah mula sehingga mengganggu aktiviti harian penduduk.

"Pakcik pun bila nak rehat pun dah tak tahu bila masa sesuai sebab bising dan senang kata operasi keluar masuk mereka sesuka hati termasuk waktu cuti.

"Jika keadaan ini berterusan susahlah penduduk, kesian dengan

budak-budak kecil dan warga emas macam kami ni," katanya.

Tinjauan Sinar Harian ke Jalan Kemat, Olak Lempit berkenaan turut mendapati laluan tersebut turut rosak dipercayai akibat aktiviti kenderaan berat.

Malah penduduk memaklumkan penunggang motosikal berdepan kemalangan kecil disebabkan laluan yang kini sudah tidak rata.



MINDAR



SARIMAN